

SENARAI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI UUM BERHAD

- | | | | |
|----|---------------------|---|--|
| 1. | Pengerusi | : | Tn. Hj. Mohd Hanizan Zalazilah |
| 2. | Timb. Pengerusi | : | Prof. Madya Dr Abdul Halim Abdul Majid |
| 3. | Bendahari Kehormat | : | En. Jafri Ishak |
| 4. | Setiausaha Kehormat | : | Tn. Hj. Mohd Ashari Yaakub |
| 5. | Ahli | : | Lt. Kol. Prof. Dr. Abdul Razak Chik |
| 6. | Ahli | : | Tn. Hj. Ahmat Puat Abdul Hamid |
| 7. | Ahli | : | Ust. Mohamad Usamah Ismail |
| 8. | Ahli | : | En. Ahmad Rahimi Husin |
| 9. | Ahli | : | Pn. Adilah Ishak |

SENARAI ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAM

- | | | | |
|----|-----------|---|-----------------------------|
| 1. | Pengerusi | : | Dr. Siti Zabedah Hj. Saidin |
| 2. | Ahli | : | En. Rohami Shafie |
| 3. | Ahli | : | Pn. Hasni Abd. Hamid |

SENARAI ANGGOTA JAWATANKUASA KECIL OPERASI & PELABURAN

- | | | | |
|----|-----------|---|---|
| 1. | Pengerusi | : | Prof. Madya Dr. Abdul Halim Abdul Majid |
| 2. | Ahli | : | Lt. Kol. Prof. Dr. Abdul Razak Chik |
| 3. | Ahli | : | Tn. Hj. Mohd Hanizan Zalazilah |

SENARAI ANGGOTA JAWATANKUASA KECIL KEWANGAN

- | | | | |
|----|-----------|---|-------------------------------|
| 1. | Pengerusi | : | En. Jafri Ishak |
| 2. | Ahli | : | Tn. Hj Ahmad Puat Abdul Hamid |
| 3. | Ahli | : | En. Ahmad Rahimi Husin |

SENARAI ANGGOTA JAWATANKUASA KECIL PENTADBIRAN & KEAHLIAN

- | | | | |
|----|------|---|----------------------------|
| 1. | Ahli | : | Tn. Hj Mohd Ashari Yaakub |
| 2. | Ahli | : | Ust. Mohamad Usamah Ismail |
| 3. | Ahli | : | Pn. Adilah Ishak |

SENARAI KAKITANGAN PENGURUSAN

- | | | | |
|----|------------------------------|---|-------------------------------|
| 1. | Pengurus Besar | : | En. Mohd Amran Mahassan |
| 2. | Pengurus Buku | : | En. Mohd Badri Samsudin |
| 3. | Eksekutif Kewangan | : | En. Mohamad Badrol Mohd Akibi |
| 4. | Eksekutif Pentadbiran | : | Cik Rohaya Mohd Ali |
| 5. | Eksekutif Operasi (Unicafe) | : | Pn. Asmaniza Abd. Samad |
| 6. | Eksekutif Operasi(UniShoppe) | : | Pn. Normizah Abdullah |

BANK UTAMA

1. Bank Islam Malaysia Berhad, Cawangan UUM
2. CIMB Bank Berhad, Cawangan Changlun

JURUAUDIT LUAR

1. Jamal Amin & Partners

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-26
KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERHAD**

TARIKH : 09 Julai 2015 (Khamis)
MASA : 9.30 pagi
TEMPAT : Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 2/1

KEHADIRAN

Seramai 919 orang anggota Koperasi telah hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-26. Mesyuarat Agung ini dirasmikan oleh En. Zambrus Md Salleh, Penolong Pengarah Wilayah Kubang Pasu, mewakili Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Kedah, En. Ahmad Sukkri Zakaria.

MINIT MESYUARAT

1.0 MELANTIK Pengerusi Mesyuarat Agung

Tn. Hj. Mohd Ashari Yaakub (330), Setiausaha Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad memaklumkan bahawa Tn. Hj. Abu Bakar Mat Safar (874) telah dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung bagi tempoh 2 tahun (2014 - 2015).

2.0 MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARI ENAM ORANG ANGGOTA KOPERASI DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-26

2.1 Mesyuarat Agung sebulat suara mencadangkan supaya enam orang Anggota Koperasi dilantik bagi menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-26 seperti berikut;

- i) En. Mohammad Taufiq Othman (628)
- ii) En. Mohamad Nazaruddin Mohamad Zaid (1668)
- iii) En. Azahari Abu Hassan (131)
- iv) Dr. Che Azlan Taib (737)
- v) Tn. Hj. Mohd Fairus Abd. Majid (1070)
- vi) Pn. Hasni Abd. Hamid (615)

2.2 En. Shoberi Hashim (015) mencadangkan supaya pelantikan empat ahli mesyuarat bagi mewakili Anggota Lembaga Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung ini diserahkan kepada Anggota Lembaga Koperasi. Disokong oleh En. Azahari Abu Hassan (131).

Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan di atas.

3.0 MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-25 BERTARIKH 23 JULAI 2014

- 3.1 Tn. Hj. Mohd Ashari Yaakub (330) Setiausaha Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-25 daripada muka surat 6 hingga 13.

Cadangan : En. Azizi Arif (2332) mencadangkan supaya Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-25 diterima.

Sokongan : En. Zamri Che Mai (319).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan di atas.

4.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA DAN JURUAUDIT DALAM BAGI SESI 2014/2015

- 4.1 Tn. Hj. Mohd Hanizan Zalazilah (580), Pengerusi Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad membentangkan perkembangan operasi dan aktiviti Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad sepanjang sesi 2014/2015 daripada muka surat 14 hingga 19 serta laporan Juruaudit Dalam bagi sesi 2014/2015 daripada muka surat 20 hingga 22.

4.1.1 Soalan : Pn. Mahani Salleh (1613) memohon penjelasan lanjut tentang perkara 3.1 pelaburan syer tak siar harga kerana kurang memahami perkara tersebut.

Jawapan : Tn. Hj. Mohd Hanizan Zalazilah (580), menjelaskan bahawa pelaburan tak siar harga lebih kepada pelaburan bank koperasi contohnya Bank Rakyat, Bank Persatuan dan Gabungan Koperasi (GAKUB).

Cadangan : Pn. Marina Hamzah (1053) mencadangkan laporan Anggota Lembaga dan Juruaudit Dalam diterima.

Sokongan : Pn. Ku Arpah Ku Mansor (888) menyokong.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan di atas.

5.0 MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT DAN AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

- 5.1 Tn. Hj. Ahmad Puat Abdul Hamid (235), Bendahari Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad membentangkan Laporan Penyata Kewangan Beraudit dan Akaun Pembahagian Keuntungan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014 seperti di **Lampiran A** daripada muka surat [i] hingga [vi] dan daripada muka surat 1 hingga 32.

Bendahari turut memaklumkan peningkatan kos kerana pelaksanaan gaji minima oleh Kerajaan Malaysia, *Good and Services Tax* (GST) serta perpindahan operasi Koperasi ke Dewan Penginapan Pelajar (DPP) dan Changlun. Ianya merupakan kekangan kewangan Koperasi bagi tahun 2014 dan 2015.

5.1.1 Pandangan : En. Joezainy Ismail (1197) mencadangkan supaya laporan pelaburan hartanah diasingkan pada masa akan datang. Ini bagi memudahkan semua anggota lebih jelas dengan laporan yang dikemukakan.

Jawapan : Tn. Hj. Mohd Hanizan Zalazilah (580), menjelaskan bahawa pelaburan hartanah apartment adalah untuk jangka masa panjang bagi tempoh 15 tahun.

Cadangan : En. Joezainy Ismail (1197) mencadangkan penyata kewangan diterima.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan di atas.

6.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2016

6.1 Tn. Hj. Ahmad Puat Abdul Hamid (235), Bendahari Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad membentangkan Penyata Anggaran Belanjawan 2016 seperti di **Lampiran B Anggaran Belanjawan Tahun 2016** daripada muka surat 1 hingga 5.

Cadangan : En. Joezainy Ismail (1197) mencadangkan supaya laporan akan datang dimasukkan bajet untuk buku laporan tahunan kerana ini adalah permintaan dari sebahagian ahli bagi memudahkan rujukan semasa mesyuarat.

En. Mohammad Taufiq Othman (628) mencadangkan supaya laporan tidak perlu dicetak oleh Koperasi kerana laporan telah dihantar secara elektronik.

Jawapan : Tn. Hj. Ahmad Puat Abdul Hamid (235) menjelaskan bahawa kos bagi mencetak buku laporan ialah RM10.00 seunit. Bagaimanapun cadangan tersebut akan dipertimbangkan.

Soalan : Dr. Mohd Khairudin Kasiran (2245) memohon penjelasan mengenai peningkatan perbelanjaan caj pembiayaan bank yang drastik.

Jawapan : Tn. Hj. Ahmad Puat Abdul Hamid (235) menjelaskan bahawa caj tersebut melibatkan caj pembiayaan SKM bagi pembelian apartment dan pembiayaan Bai Al Einah.

Cadangan : Dr. Mohd Khairudin Kasiran (2245) mencadangkan supaya Anggaran Belanjawan 2016 diterima dan diluluskan.

Sokongan : Pn. Marina Hamzah (1053) menyokong cadangan di atas.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan di atas.

7.0 MEMILIH EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA BARU BAGI MENGGANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA YANG GUGUR MENGIKUT GILIRAN

7.1 Tn. Hj. Mohd Ashari Yaakub (330), Setiausaha Lembaga Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad memaklumkan bahawa seramai empat orang Anggota Lembaga Koperasi gugur mengikut giliran. Senarai nama adalah seperti berikut;

- (i) Tn. Hj. Mohd Hanizan Zalazilah (580)
- (ii) Prof. Madya Dr. Abdul Halim Abdul Majid (494)
- (iii) En. Ahmad Rahimi Husin (660)
- (iv) Tn. Hj. Ahmad Puat Abdul Hamid (235)

7.2 Tn. Hj. Mohd Ashari Yaakub (330), Setiausaha Lembaga Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad turut memaklumkan tentang pencalonan yang berjaya dan diluluskan oleh SKM adalah seperti berikut;

- (i) Tn. Hj. Mohd Hanizan Zalazilah (580)
- (ii) Prof. Madya Dr. Abdul Halim Abdul Majid (494)
- (iii) En. Ahmad Rahimi Husin (660)

Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan di atas.

8.0 MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA

Tn. Hj. Mohd Ashari Yaakub (330), Setiausaha Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad membentangkan elaun-elaun Anggota Lembaga dan Juruaudit Dalam di **Lampiran C - Elaun Anggota Lembaga** untuk kelulusan mesyuarat.

Cadangan : En. Zamri Che Mai (319) mencadangkan supaya elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Juruaudit Dalam diluluskan dan diterima.

Sokongan : Dr. Mohd Khairudin Kasiran (2245) menyokong cadangan di atas.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan di atas.

9.0 MELANTIK TIDAK KURANG DARIPADA DUA PANEL FIRMA JURUAUDIT LUAR

Tn. Hj. Ahmad Puat Abdul Hamid (235), Bendahari Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad membentangkan senarai Juruaudit Luar di **Lampiran D - Senarai Juruaudit Luar Berdaftar** untuk perhatian dan kelulusan Mesyuarat Agung.

Cadangan : En. Azizan Embun (787) mencadangkan supaya pelantikan firma Juruaudit Luar diserahkan kepada Anggota Lembaga.

Sokongan : En. Zamri Che Mai (319) menyokong cadangan di atas.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan di atas.

10.0 MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI SEBANYAK RM30 JUTA

Tn. Hj. Ahmad Puat Abdul Hamid (235), Bendahari Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad membentangkan had maksimum keterhutangan Koperasi sebanyak RM30 juta.

Tn. Hj. Ahmad Puat Abdul Hamid (235) juga menjelaskan hutang yang ada sekarang hampir RM15 juta. Mengikut pengumuman Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan, Koperasi dibenarkan untuk memohon sehingga RM50 juta. Koperasi bercadang untuk menambah pelaburan hartanah di UniMAP dan Insaniah serta pembiayaan kredit kepada anggota.

Tn. Hj. Mohd Hanizan Zalazilah (580) juga menjelaskan bahawa kelulusan ini adalah persediaan awal Koperasi untuk projek-projek akan datang dan tidak perlu menunggu Mesyuarat Agung atau mengadakan Mesyuarat Agung Khas.

Cadangan : En. Zamri Che Mai (319) mencadangkan supaya had maksimum keterhutangan Koperasi sebanyak RM30 juta diterima.

Sokongan : Tn. Hj. Mohd Fairus Abd Majid (1070) menyokong cadangan di atas.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan di atas.

11.0 MENETAPKAN HAD MAKSIMUM DAN SKOP PELABURAN KOPERASI YANG DIBIYAI OLEH WANG LEBIHAN SEBANYAK RM2 JUTA

Tn. Hj. Ahmad Puat Abdul Hamid (235), Bendahari Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad membentangkan had maksimum dan skop pelaburan Koperasi yang dibiayai oleh wang lebihan sebanyak RM2 juta.

Cadangan : En. Zamri Che Mai (319) memohon penjelasan lanjut tentang skop pelaburan koperasi.

Jawapan : Tn. Hj. Ahmad Puat Abdul Hamid (235) menjelaskan bahawa wang lebihan daripada hutang yang tidak terikat dengan sebarang perbelanjaan (jika ada) boleh dilaburkan.

Cadangan : En. Zamri Che Mai (319) mencadangkan supaya had maksimum dan skop pelaburan Koperasi yang dibiayai oleh wang lebihan sebanyak RM2 juta dikekalkan.

Sokongan : Mejar Norzilah Aziz (522) menyokong cadangan di atas.


Keputusan : Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan di atas.

12.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA DRAF DAN USUL (NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA 7 HARI SEBELUM TARIKH MESYUARAT AGUNG HENDAKLAH DIBERIKAN KEPADA SETIAUSAHA DI PEJABAT KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA)

Tn. Hj. Mohd Ashari Yaakub (330), Setiausaha Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad memaklumkan tiada draf atau usul yang diterima daripada anggota.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengahari dengan ucapan ribuan terima kasih daripada Pengerusi Mesyuarat Agung.

Tandatangan Pengesahan



MOHD HANIZAN ZALAZILAH
Pengerusi



MOHD ASHARI YAAKUB
Setiausaha

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERHAD

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ

Mudah-mudahan kita semua memperolehi Rahmat serta Keampunan Allah di bulan Ramadhan Al-Kareem yang mulia ini, InsyaAllah.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga (ALK), Anggota Jawatankuasa Audit Dalam (JAD), Anggota-Anggota Koperasi UUM dan semua warga kerja yang terus memberi sokongan kepada Koperasi UUM untuk terus bergerak maju dalam menzahirkan hasrat dan impian bagi mencapai visi dan misi Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad.

Bagi pihak Anggota Lembaga, sukacita saya melaporkan aktiviti, pencapaian dan kemajuan **Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad** bagi sepanjang tahun 2015.

1.0 PRESTASI KEWANGAN

Merujuk kepada pencapaian kewangan semasa, Koperasi UUM telah mengalami kerugian semasa sebanyak RM229,576.09 berbanding keuntungan pada tahun 2014 sebanyak RM86,835.44.

Justeru, kami menyeru agar semua anggota-anggota koperasi agar turut terus membantu serta memberi pandangan dalam pengurusan Koperasi di dalam semua aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

2.0 PENCAPAIAN OPERASI DAN BUKAN OPERASI

Secara umumnya, hasil jualan 2015 adalah sebanyak RM2,120,939.29 berbanding RM3,667,493.13 pada 2014. Perolehan bukan operasi 2015 pula sebanyak RM1,205,951.51 berbanding RM757,995.92 pada tahun 2014. Peningkatan pendapatan bukan operasi ini adalah disebabkan peningkatan hasil pembiayaan Bai Al Einah kepada anggota secara amnya.

Perpindahan kesemua operasi di Varsity Mall ke tempat perniagaan sementara yang bermula pada Mac 2015 telah menyebabkan beberapa projek usahasama Koperasi UUM terpaksa dihentikan buat sementara waktu. Faktor perpindahan ini serta pelaksanaan GST telah menyebabkan penurunan pencapaian jualan koperasi secara ketara pada tahun 2015. Dalam masa yang sama aliran pelajar-pelajar UUM yang menggunakan perkhidmatan bas secara percuma dari Varsity Mall ke Changlun juga telah memberi kesan kepada perniagaan-perniagaan di Varsity Mall termasuk perniagaan-perniagaan Koperasi UUM Bhd.

Sehingga tahun 2015, jumlah pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Bai Al Einah yang telah diberikan kepada anggota telah melebihi RM 8 juta.

Untuk makluman anggota, prestasi ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

- i. Pemulihan operasi perniagaan yang semakin kukuh dan berdaya saing.
- ii. Sokongan Dana dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebanyak:

- a) RM1,389,150.00 untuk pembelian 7 unit apartment UniCity, UniMAP;
- b) RM30,000.00 untuk Sistem Pengurusan Berkomputer Koperasi (SPBK).

Terbaru 2016

- a) Tabung Kredit untuk tambahan pembiayaan Bai AL Einah (BAE) sebanyak RM3 juta telah diluluskan oleh pihak SKM dan telah diberikan kepada anggota Koperasi UUM Bhd. Ini menjadikan keseluruhan BAE yang telah diluluskan ialah RM11 juta.
- b) Pembelian tambahan 4 unit apartment di UniMAP, Pauh Perlis menjadikan 16 unit keseluruhan apartment yang dimiliki oleh Koperasi UUM Bhd .

3.0 PELABURAN

Pelaburan yang di buat oleh Koperasi adalah dalam perniagaan dan instrumen yang dibenarkan dan tidak berisiko tinggi adalah seperti berikut:

- i. Syer tak siar harga dalam syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia.
- ii. Dalam Simpanan tetap secara perbankan Islam.

3.1 Pelaburan Syer Tak Siar Harga

Pelaburan tak siar harga Koperasi UUM pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

PERKARA	2015	2014	2013
		KOS (RM)	KOS (RM)
GAKUB	3,000.00	3,000.00	3,000.00
Koperasi Pembangunan Negeri Kedah Bhd.	1,000.00	1,000.00	1,000.00
Bank Persatuan	11,686.00	11,686.00	11,686.00
Bank Rakyat	72,820.00	72,820.00	72,820.00
JUMLAH	88,506.00	88,506.00	88,506.00

3.2 Pelaburan dalam Simpanan Tetap

Pada tahun 2014, Koperasi ada melabur dalam simpanan tetap di bank koperasi dan bank tempatan. Jumlah pelaburan adalah sebagaimana berikut:

PERKARA	2015	2014	2013
	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)
Bank Persatuan	150,000	150,000	150,000
Bank Islam	300,000	400,000	150,000

Koperasi juga membuat simpanan dalam Skim Simpanan Al-Waheed (overnight saving) dengan Bank Islam. Sepanjang 2015, hasil keuntungan daripada simpanan ini adalah berjumlah RM895.07.

4.0 KEANGGOTAAN DAN MODAL SYER ANGGOTA

Kedudukan semasa dalam jumlah keanggotaan Koperasi UUM Bhd, modal syer dan modal yuran anggota berbanding dengan 2014, adalah seperti perincian berikut:

PERKARA	2015	2014	2013
Bil. Anggota	1410	1536	1553
Modal Yuran (RM)	5,541,485.10	5,202,305.79	4,993,195.54
Modal Syer (RM)	153,600.00	160,340.00	171,659.00

5.0 AKTIVITI-AKTIVITI KUMPULAN WANG

Sebagaimana keputusan Mesyuarat Agung Ke-24 telah bersetuju untuk menangguhkan sumbangan aktiviti kumpulan wang sehingga kemampuan kewangan koperasi membolehkan ianya dilaksanakan semula.

6.0 TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Sejajar dengan matlamat dan falsafah penubuhan koperasi, tanggungjawab sosial menjadi salah satu agenda penting kepada ALK. Walaupun dalam situasi kewangan yang kurang mengizinkan, tanggungjawab ini tetap dilaksanakan khususnya kepada kumpulan sasaran utama iaitu anggota, kakitangan dan masyarakat setempat.

6.1 Anggota

Koperasi tetap menyediakan pembiayaan kecemasan di bawah Skim Pembiayaan Qardhul Hassan. Skim ini disediakan kepada anggota yang memerlukan bantuan kewangan kecemasan segera. Untuk tujuan itu Koperasi tidak mengambil sebarang caj keuntungan bagi Skim Pembiayaan Qardhul Hassan ini.

Bagi makluman semua anggota, pada tahun 2015 sejumlah RM19,500.00 dikeluarkan kepada anggota-anggota yang memohon skim bantuan kecemasan.

6.2 Kakitangan

Kesan daripada prestasi kewangan 2015 yang tidak memberansangkan, Koperasi juga tidak memperuntukkan sebarang pemberian bonus dan kenaikan gaji kepada kakitangan. Walau bagaimana pun, kebajikan kakitangan masih diberikan keutamaan melalui bantuan kewangan kepada yang bersalin dan perubatan bagi membantu meringankan bebanan kewangan staf.

6.3 Masyarakat

Dengan prestasi kewangan pada 2015 yang kurang baik, Koperasi tetap terus menyumbang kepada masyarakat kampus dan sekitarnya bagi menjayakan hasrat tanggungjawab sosialnya pada tahap yang lebih rendah. Sumbangan telah diagihkan dalam bentuk barangan dan sebahagian besarnya adalah sumbangan kepada aktiviti kegiatan pelajar-pelajar dan jabatan-jabatan UUM.

7.0 DIVIDEN

Dengan kedudukan prestasi kewangan berakhir pada 31 Disember 2015, ALK mencadangkan TIADA pengagihan dividen kepada anggota. Koperasi UUM masih dalam proses pemulihan daripada kemerosotan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Proses pemulihan ini pastinya memerlukan masa serta dana (tunai) bagi membolehkan Koperasi terus maju dan berkembang.

8.0 CABARAN DAN PROSPEK

Perkembangan pada 2016 merupakan tempoh yang amat mencabar kesan daripada ketidakpastian ekonomi Malaysia dan persekitaran ekonomi tempatan serta dunia. Bagi mengatasi masalah ini, ALK telah meneruskan dasar-dasar perbelanjaan berhemah serta mempelbagaikan bidang perniagaan dan pelaburan Koperasi UUM Berhad di dalam dan luar kampus.

Cabaran utama bagi Koperasi UUM pada 2016 adalah apabila UUM melaksanakan pengubahsuaian dan penambahbaikan Varsity Mall. Ianya telah memberikan kesan secara langsung kepada perniagaan dan perkhidmatan Koperasi UUM. Operasi perniagaan UniShopee, Unimart dan Unigift telah menurun dengan drastik sejak perpindahan pada Mac 2015 ke tempat sementara bagi tujuan tersebut.

Perpindahan ini juga telah banyak memberi kesan terhadap perjalanan serta pencapaian aktiviti-aktiviti perniagaan koperasi UUM kita bagi tahun 2016. Proses pengubahsuaian dan penambahbaikan Mall UUM ini telah berjalan selama hampir 1 tahun dan dijangka siap sepenuhnya pada September 2016.

Ketidaktentuan ekonomi Malaysia juga telah menjadi salah satu faktor perniagaan Koperasi menurun dengan mendadak. Ini mungkin disebabkan pelanggan berbelanja dengan berhemah dan berjimat.

Koperasi UUM Berhad juga telah ditawarkan pembelian tambahan 4 unit apartment untuk pelaburan jangka masa panjang yang disewakan kepada pelajar-pelajar Unimap bagi tempoh sekurang-kurangnya 15 tahun. Apartment-apartment ini terletak di Medan Universiti, Pauh, Perlis pada harga RM882,000.00 bagi empat unit tersebut. Dengan pembelian empat unit ini, secara keseluruhan enam belas (16) apartment telah dibeli oleh Koperasi UUM setakat ini (keseluruhan apartment berjumlah RM3,269,500.00).

Oleh yang demikian, ALK serta pengurusan Koperasi UUM Berhad berharap agar anggota-anggota akan terus bersama membantu membangunkan Koperasi yang kita kasihi, di samping terus menyokong aktiviti dan inisiatif Koperasi. Tanpa sokongan berterusan anggota-anggota, kemajuan Koperasi mungkin sukar dipertingkatkan. Jangkaan kami, melalui sokongan anggota yang berterusan, disertai daya-usaha beberapa strategi perniagaan baru yang berdaya saing, ianya mampu melonjakkan kemajuan Koperasi kita bagi tahun-tahun kewangan mendatang.

Marilah sama-sama kita gembelingkan sokongan, tenaga, usaha dan pemikiran demi kecemerlangan Koperasi UUM Berhad milik kita bersama.

9.0 PENGHARGAAN

Akhir kata bagi pihak Ahli Lembaga Koperasi UUM Berhad, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengurusan dan kakitangan Koperasi UUM Berhad dengan iltizam, daya usaha, dedikasi serta komitmen mereka dalam memastikan operasi Koperasi berjalan lancar, walaupun menghadapi pelbagai cabaran serta dugaan.

Penghargaan khusus kepada pengurusan tertinggi Universiti Utara Malaysia (UUM) terutama Yang Berbahagia Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustapa Ishak, Naib Canselor UUM yang sentiasa prihatin dan memberikan sokongan berterusan serta menyediakan ruang dan peluang untuk Koperasi berkembang sebagai entiti perniagaan ke arah merealisasikan konsep gerakan berkoperasi terbilang di kampus UUM yang permai ini.


Tidak lupa juga, penghargaan kepada SKM yang secara berterusan menyokong, menasihat dan memberi bantuan kewangan melalui dana-dana yang amat diperlukan di dalam suasana ekonomi mencabar ini.

Seikhlas sanjungan kepada seluruh anggota, pelanggan, pembekal dan rakan niaga di atas keyakinan, bimbingan serta sokongan yang berterusan kepada Koperasi UUM Berhad yang kita sayangi ini.

Walaupun perlu berhadapan dengan situasi yang semakin mencabar di tahun-tahun mendatang, kami akan berusaha serta mendoakan agar Koperasi UUM Berhad terus melakarkan pencapaian yang lebih cemerlang – InsyaAllah.

Sempena menjelang penghujung Ramadan Al Kareem dan menghampiri bulan Syawal Al Mubarak, saya bagi pihak Ahli Lembaga Koperasi UUM Berhad menyusun sepuluh jari memohon maaf, zahir dan batin. Kepada angota-anggota yang akan memandu untuk balik berhari raya, kami menasihatkan agar memandu dengan cermat serta selamat pulang dan kembali ke kampus.

Sekian.



HJ. MOHD HANIZAN ZALAZILAH

Pengerusi

25 Ramadan 1437/ 30 Jun 2016

LAPORAN AUDIT DALAMAN KOPERASI UUM BERHAD UNTUK LAPORAN TAHUNAN TAHUN 2015

1. TUJUAN

Bahawasanya kami anggota Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) Koperasi UUM Berhad mengikut kehendak Subperaturan 49 (2) Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan Undang-undang Kecil Koperasi mengemukakan laporan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-27 (tahun 2015).

2. SKOP AUDIT DAN HASIL PENEMUAN AUDIT

Laporan yang dibuat adalah berasaskan kepada hasil pengauditan terhadap hal ehwal pentadbiran, kewangan dan aktiviti-aktiviti Koperasi/subsidi/syarikat bersekutu yang dijalankan bagi tempoh 2015.

2.1 Jenis-jenis auditan yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam ialah:

a) Auditan Kewangan /Pematuhan

Auditan Kewangan/Pematuhan dijalankan untuk menentukan pengurusan kewangan di Koperasi UUM Bhd. dijalankan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan berkaitan.

b) Auditan Pengurusan/Prestasi

Auditan Pengurusan/Prestasi dijalankan untuk menentukan sesuatu aktiviti/program Koperasi dilaksanakan dengan cekap, berhemah dan mencapai objektif.

2.2 Hasil penemuan dan rumusan dari kerja auditan yang telah dijalankan dalam tahun kewangan 2015 adalah seperti berikut:

2.2.1 Kos Pemindahan Koperasi

Penemuan Audit

Pada tahun 2015, pihak Koperasi terpaksa menanggung kos perpindahan yang agak tinggi. Ini adalah kesan daripada pengubahsuaian "Varsity Mall UUM" yang menyebabkan keseluruhan operasi Koperasi berpindah ke beberapa lokasi baru di dalam dan luar UUM. Ini telah menyebabkan kos pemindahan pejabat meningkat serta meningkatkan juga kos sewa ruang pejabat yang baru. Hal ini juga telah memberi kesan kepada kedudukan perbelanjaan Koperasi yang menyebabkan pihak Koperasi terpaksa menanggung kos operasi yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Kos perpindahan yang tinggi ini juga telah menyebabkan Koperasi mengalami kerugian pada tahun 2015.

Syor dan Rumusan Audit

Disyorkan agar Koperasi lebih berhati-hati dalam menggunakan sumber kewangan yang terhad dan sentiasa memastikan operasi dan pentadbiran Koperasi dijalankan dengan cekap dan berkesan bagi mengelakkan pembaziran serta ketidakcekapan pengurusan. Di samping itu, Koperasi juga perlu mencari sumber-sumber

kewangan baru melalui penglibatan dalam perniagaan baru dan mempelbagaikan sumber pendapatan.

2.2.2 Kadar Pertukaran Matawang

Penemuan Audit

Masalah kadar pertukaran matawang Ringgit Malaysia (RM) yang lemah berbanding *United State Dollar* (USD) masih membelenggu Koperasi. Masalah ini agak sukar untuk diselesaikan dalam jangkamasa yang singkat memandangkan kebanyakan buku-buku rujukan universiti adalah daripada penerbit antarabangsa dan pihak Koperasi membeli buku secara terus daripada penerbit antarabangsa tersebut.. Hal ini telah menyebabkan Koperasi terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi akibat kadar pertukaran matawang tersebut. Ini seterusnya telah menyebabkan berlakunya peningkatan dalam perbelanjaan Koperasi dan menyumbang kepada kerugian yang dialami oleh Koperasi.

Syor dan Rumusan Audit

Pihak Audit mencadangkan agar pihak pengurusan mempertimbangkan kemungkinan pembayaran secara tunai atau dengan secepat mungkin dalam pembelian buku dari penerbit antarabangsa bagi mengurangkan kesan kadar pertukaran matawang tersebut. Selain itu, pihak Pengurusan juga boleh meletakkan "reserve margin" yang lebih besar bagi membolehkan kesan kadar pertukaran matawang tersebut diserap dan mengurangkan kos yang terpaksa ditanggung.

2.2.3 Kesan Pelaksanaan Gaji Minimum

Penemuan Audit

Pelaksanaan gaji minimum kepada RM1000 yang bakal diumumkan oleh pihak kerajaan akan menyebabkan kos gaji dan upahan meningkat. Hal ini tidak dapat dielakkan dan akan memberi kesan kepada kedudukan perbelanjaan Koperasi yang menyebabkan pihak Koperasi terpaksa menanggung kos operasi yang semakin tinggi berbanding tahun sebelumnya. Ini akan menyukarkan Koperasi untuk memulihkan kedudukan kewangan ke tahap yang lebih baik.

Syor dan Rumusan Audit

Pihak Audit mencadangkan agar pihak pengurusan memastikan penggunaan sumber tenaga kerja sedia ada secara optimum dan cekap bagi memastikan kos yang dilibatkan setimpal dengan hasil yang diperolehi. Pihak Koperasi juga perlu berusaha untuk mencari ruang dan peluang bagi menambah pendapatan dari sumber yang lain.

2.2.4 Pembiayaan Dari SKM

Penemuan

Pemeriksaan Audit mendapati pihak Koperasi telah membuat pembiayaan daripada SKMM untuk tujuan pembiayaan ahli. Ini telah menyebabkan kos pembiayaan meningkat dan juga meningkatkan perbelanjaan Koperasi.

Syor dan Rumusan Audit

Disyorkan agar pembayaran balik pembiayaan dibuat mengikut jadual yang ditetapkan dan mengenakan caj pembiayaan yang berpatutan bagi mengimbangi kos pembiayaan berkenaan.

3. KESIMPULAN DAN PANDANGAN


Tertakluk kepada perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa pengurusan dan hal-ehwal Koperasi telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993, peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan Undang-undang Kecil Koperasi.

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Koperasi pada tahun 2015 agak terjejas kesan daripada beberapa faktor luaran yang tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian, dari segi 'Sustainability' Koperasi – kemampuan kewangan dan kelestarian perniagaan, pihak Koperasi perlu memastikan ia mampu untuk menanggung kos yang semakin tinggi dan menjana keuntungan yang lebih besar melalui peluang perniagaan baru serta membuat pelaburan yang menguntungkan.


4. PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan. Pihak Audit amat berpuas hati di atas kerjasama pihak Bendahari, Pegawai serta kakitangan Koperasi semasa menjalankan tugas Audit. Sungguhpun secara amnya Koperasi telah mematuhi undang-undang serta peraturan yang telah digariskan, dan banyak penambahbaikan yang dilakukan, pihak Koperasi perlu memastikan keberkesanan kawalan dalaman dan pengurusan operasi demi menjamin perjalanan Koperasi yang cekap dan efisien. Kami berharap Koperasi dapat menerima segala teguran secara positif dan seterusnya berusaha gigih ke arah mencapai kejayaan dan kecemerlangan kukuh serta berterusan di tahun-tahun mendatang.


Disediakan oleh:



Dr. Siti Zabedah Bt Saidin
Pengerusi Juruaudit Dalam



Dr. Rohami bin Shafie
Juruaudit Dalam



Pn. Hasni Bt Abd Hamid
Juruaudit Dalam

Tarikh: 18 Mei 2016

LAMPIRAN C

Elaun Anggota Lembaga

**ELAUN ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM
KOPERASI UUM BERHAD**

1.	Elaun Lembaga Eksekutif (Bulanan)		
	Pengerusi	-	RM350.00
	Naib Pengerusi	-	RM350.00
	Bendahari	-	RM350.00
	Setiausaha	-	RM350.00
2.	Elaun Pengerusi Jawatankuasa Kecil (Bulanan)		
	Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kewangan	-	RM140.00
	Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pentadbiran dan Keahlian	-	RM140.00
	Pengerusi Jawatankuasa Kecil Operasi dan Pelaburan	-	RM140.00
	Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam	-	RM150.00
3.	Elaun Mesyuarat Lembaga	-	RM150.00
4.	Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Kecil	-	RM100.00
5.	Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam	-	RM75.00
6.	Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Khas	-	RM50.00

LAMPIRAN D

Senarai Juruaudit Luar Berdaftar

SENARAI JURUAUDIT LUAR BERDAFTAR

- 1. JS ASSOCIATES SDN. BHD.**
Jalan Teluk Wajah
05200 Alor Setar
Kedah
Tel : 04-7345022
Fax :04-7349400
- 2. AIDIT & CO**
(Mohamad Aidid b. Mohd Shariff)
969, Tingkat 1
Kompleks Peruda
Jalan Sultan Badlishah
05000 Alor Setar, Kedah
Tel:04-7315553;Fax : 04-7312950
- 3. SYARIKAT E.K TANG**
68, Kompleks Alor Malai
05460 Alor Setar
Kedah
Tel :04-7313689 ;Fax:04-7332030
- 4. JAMAL AMIN & PARTNERS**
No. 22 Tingkat 1
Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar
Kedah
Tel : 04-7345022
- 5. NOH & ASSOCIATES**
147, Tingkat Bawah
Jalan Sepat 5
Taman Wira Mergong
Jalan Sultanah Sambungan
05350 Alor Setar, Kedah
Tel : 04-7344146
- 6. BAQIR HUSSAIN BIN HATIM ALI**
No. 1268, Tingkat Satu
Kompleks Alor Setar
Lebuhraya Darulaman
05100 Alor Setar, Kedah.
Tel/Fax : 04-7328900
- 7. AHMAD NAINA MYDIN & ASSOCIATES**
No. B1, Tingkat 2
Medan Bendahara Jalan Langgar
05300 Alor Setar
Kedah

Tel:04-7337509/1301;Fax: 04-7332048
- 8. AZMAN AHMAD & CO**
5015, 1st Floor, Taman PKNK
Jalan Tun Abdul Razak
05200 Alor Etar, Kedah
Tel/Fax : 04-7342588
- 9. AHMAD RAZI BIN MOHD NOOR**
124, Tingkat 1 Kompleks Alor Setar
Lebuhraya Darulaman
05100 Alor Setar, Kedah.
Tel : 04-7339782
Fax : 04-7309353
- 10. AHMAD ZAINI CONSULTANT**
Lot 165, Tingkat 1
Kompleks Alor Setar
Lebuhraya Darulaman
Kedah

Tel : 04-7340799

LAMPIRAN E - SENARAI ANGGOTA KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERHAD AGM KE-27

BIL	NO. AHLI	NAMA	BIL	NO. AHLI	NAMA
1	1291	AB MALEK FOAD B ABU BAKAR	51	742	AFIZA HADIDA BT ISHAK
2	269	ABD GHANI B. GOLAM DIN	52	1672	AHMAD B. YUSOF
3	1513	ABD HADI B. ABD RAZAK	53	1730	AHMAD BAKRI B. HARON
4	282	ABD HALIM B. ISMAIL	54	459	AHMAD BASHIR @ ZOLMAT B. AZIZ
5	1966	ABD KADIR B. MOHAMAD	55	1774	AHMAD BASRI B. MANSOR
6	1354	ABD RAHMAN B MOHD ISA	56	2400	AHMAD FAISOL B. ISMAIL
7	505	ABD RAZAK B. YAAKUB	57	1932	AHMAD FAIZAL B. MARZUKI
8	1441	ABDUL SHAKUR B. ABDULLAH	58	2194	AHMAD HAMIZI B. ISMAIL
9	824	ABDUL AZIZ B. SAAD	59	1176	AHMAD MUJAHID ABD GHANI
10	506	ABDUL BASHAH B. MAT ALI	60	673	AHMAD MURAD B. YUNUS
11	1801	ABDUL HAKIM ISHAK	61	2028	AHMAD NASRI B. MANSOR
12	494	ABDUL HALIM B. ABDUL MAJID	62	1805	AHMAD NASYRAN B. AZRAE
13	1792	ABDUL HALIM B. HASSAN	63	1919	AHMAD NAZIR SHOBERI
14	1953	ABDUL HALIM B. MD JUSOH	64	2188	AHMAD NIZAM B. ABU SEMAN
15	1273	ABDUL HALIM BIN HUSAIN	65	1333	AHMAD PAUZI B. OTHMAN
16	1315	ABDUL HALIM HAFIDZ B. ABDUL GHANI	66	1657	AHMAD POZIN B. ABD. RAHMAN
17	1700	ABDUL HISHAM B. RAHIM	67	235	AHMAD PUAT B. ABDUL HAMID
18	166	ABDUL KHODIR B. ABD. RAZAK	68	660	AHMAD RAHIMI B. HUSIN
19	1846	ABDUL MALEK ABDUL KARIM	69	2355	AHMAD SHAHIR B. ABDUL JALIL
20	1130	ABDUL MALEK B. MOHD SADELI @ BASORI	70	1259	AHMAD SHAMSUL B. ABD. AZIZ
21	1528	ABDUL NASIR B. HASSAN	71	1659	AHMAD SOBRI B. YAACOB
22	2006	ABDUL RAHMAN B. ISA	72	1974	AHMAD SOFFEYAN B. AYOUP
23	1855	ABDUL RASHID B. SAAD	73	1745	AHMAD SYAHRI B. OSMAN
24	1939	ABDUL RAZAK B. ABDULLAH	74	1894	AHMAD TAJUDIN B. BAHAROM
25	993	ABDUL RAZAK B. ALI	75	994	AHMAD TAKHIRUDIN B. ISMAIL
26	192	ABDUL RAZAK B. CHIK	76	2165	AHMAD ZABADI MOKHTAR
27	1385	ABDUL RAZAK BIN ABDUL MANAF	77	969	AHMAD ZAFARULLAH B. ABDUL JALIL
28	341	ABDUL SHUKOR B. SHAMSUDIN	78	1238	AHMAD ZAHARUDDIN SANI B. AHMAD SABRI
29	1862	ABDUL SUKOR B. MOHAMAD	79	299	AHMAD ZAILANI B. AWANG
30	1786	ABDUL WAHAB B. DIN	80	1765	AHMAD ZAKI HASAN
31	1163	ABDULL SUKOR B. SHAARI	81	1199	AHMAD ZAMIL B. ABD. KHALID
32	1616	ABDULLAH B. ABDUL HALIFF	82	1543	AHMAD ZUKI B. SAID
33	940	ABDULLAH B. ALI	83	1999	AHMADASRI B. ALAUDIN
34	512	ABDULLAH B. HJ ABD GHANI	84	632	AIDA BT. ABDUL JALIL
35	365	ABDULLAH B. NAYAN	85	1542	AIDA HUSNI BT. ABDUL HAMID
36	2240	ABU BAKAR B. MAT	86	1076	AIDA ZULIHA BT. IBRAHIM
37	1507	ABU BAKAR B. AWANG	87	1004	AIDI B. AHMI
38	655	ABU BAKAR B. HAMED	88	1036	AINON MAZURA BT. ABU SEMAN
39	874	ABU BAKAR B. MAT SAFAR	89	1888	AIRUZAIID B. ABDUL RAZAK
40	2114	ABU BAKAR B. OSMAN	90	703	AKILAH BT ABDULLAH
41	644	ABU HASSAN B. ABDULLAH	91	2314	AKRAM B. HARIS FADZILLAH
42	685	ABU MANSOR B. ARIFFIN	92	545	ALAWIYAH BT. ABD WAHAB
43	1867	ABU SUFIAN ABU BAKAR	93	1996	AL-HANISHAM MOHD KHALID
44	1860	ACHMAD DZARIEAN MOHD NADZRI	94	931	ALI BADRON B. MOKHTAR
45	2090	ADAM MOHD SAIFUDIN	95	2278	ALIAS AZHAR
46	1461	ADAWIAH BT. SAIND	96	667	ALIAS B. ABD GHANI
47	766	ADI AFFANDI B. HJ AHMAD	97	335	ALIAS B. AHMAD
48	841	ADILAH BT ISHAK	98	1124	ALIAS SUKRI B. CHE OMAR
49	1032	ADZANIZAM B. MANSOR	99	1822	ALIS B. PUTEH
50	457	AFIFAH BT. ABU YAZID	100	806	AMALINA FARHI BT AHMAD

LAMPIRAN E - SENARAI ANGGOTA KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERHAD AGM KE-27

BIL	NO. AHLI	NAMA
101	707	AMDAN B. MOHAMED
102	2305	AMER B. HJ. DARUS
103	690	AMIN B. ALI
104	1609	AMIR B. KASSIM
105	1338	AMIR B. RAMLI
106	1732	AMIRUDDIN B. ROHANI
107	1023	AMIRUDIN B. HASHIM
108	1929	AMIRUN B. ABU BAKAR
109	1553	AMIZUL B. AHMAD
110	1041	AMRAN B. AHMAD
111	1658	AMRAN B. NON
112	1914	AMRI B. MAHMUD
113	2026	ANI MUNIRAH BT MOHAMAD
114	1364	ANIS SHUHAIZA BT MD SALLEH
115	1714	ANISAH BT. YAAKOB
116	585	ANITA BT. AHMAD
117	2300	ANUAR B. HASSAN
118	807	ARIFFIN B. ABDUL MUTALIB
119	378	ARIFFIN B. AZIZ
120	1650	ARMIYAH BT. AHMAD
121	838	ARPAH BT. ABU BAKAR
122	1200	ARYATI JULIANA BT. SULAIMAN
123	999	ASIAH BT. MD SAID
124	1579	ASLINDA BT AHMAD
125	2239	ASMAN MANSOR
126	2379	ASMANIZA BT. ABDUL SAMAD
127	551	ASMAT NIZAM B. ABDUL TALIB
128	2294	ASMAWIZA BT. HUSSIN
129	2050	ASRAR B. OMAR
130	2310	ASROL ANUAR B. RAMLI
131	1824	ASWADI B. MD TAYIB
132	2062	ATIAH BT YAAKOB
133	1938	AUS KORNI B. YAHAYA
134	1383	AWAN BT. ISMAIL
135	401	AYOIB B. CHE AHMAD
136	2398	AZAHAR B. HARUN
137	2401	AZAHAR B. ISMAIL
138	131	AZAHARI B. ABU HASSAN
139	1473	AZAHARI B. AZMI
140	1492	AZALIZA BT. AZIZ
141	1682	AZAMAH BT. DIN
142	668	AZARIAH BT HAMID
143	955	AZHAR B. HUSSAIN
144	789	AZHAR B. AHMAD
145	366	AZHAR B. ANIS MOHAMMAD
146	592	AZHAR B. HJ ABD. GHANI
147	2404	AZHAR B. MOHAMAD
148	1946	AZHAR B. YUSOF
149	1160	AZHARUDIN B. ALI
150	2271	AZIAH BT AHMAD

BIL	NO. AHLI	NAMA
151	721	AZIAN BT ISMAIL
152	1834	AZIAN BT. MOHD YUSOFF
153	566	AZIAN BT. NAFIAH
154	776	AZIDA BT ZAINOL
155	1466	AZIRA BT ABDUL ADZIS
156	713	AZIRAWATI BT. AYOB
157	1720	AZITA BT. ABDUL AZIZ
158	732	AZIZAH BT OTHMAN
159	442	AZIZAH BT. MD YUSOF
160	1108	AZIZAN B. ABU BAKAR
161	1523	AZIZAN B. ALI
162	1544	AZIZAN B. AZIZ
163	2144	AZIZAN B. BAHARI
164	787	AZIZAN B. EMBUN
165	145	AZIZAN B. HJ HANAFI
166	392	AZIZAN B. MOHD. ALI
167	2201	AZIZAN B. SAABAN
168	1314	AZIZI B. ABU BAKAR
169	2332	AZIZI B. ARIF
170	2349	AZIZI B. HJ. HALIPAH
171	446	AZIZI B. ZAKARIA
172	431	AZLAN B. ZAINOL ABIDIN
173	423	AZLIN NAMILI BT. MOHD ALI
174	1416	AZLINA BT. AHMAD
175	2220	AZLINA BT. SAILIN
176	1393	AZLINA BT. YAHAMAN
177	2372	AZLISHAH B. ABIDIN
178	1400	AZLIZA BT. OTHMAN
179	2338	AZLIZAN B. TALIB
180	912	AZMAN B. AZIZ
181	1240	AZMAN B. MD. ZAIN
182	634	AZMAN B. MUSTAFFA
183	338	AZMAN B. TA'A
184	523	AZMAN B. YASIN
185	763	AZMI B. MAT
186	1975	AZMI B. MAT
187	693	AZMI B. OTHMAN
188	1909	AZMI B. SAAD
189	2192	AZMAN B. HAMID
190	2264	AZNI IDAYU BT. SHUIB
191	729	AZNIZA BT. AHMAD
192	1318	AZNIZA BT. HJ ABDUL AZIB
193	1254	AZRAIN NASYRAH BT. MUSTAPA
194	1711	AZRIEANA BT. YOP
195	1934	AZUAWAN B. YAHYA
196	1460	AZURA BT. ABDUL RAHIM
197	1218	BADARIAH BT. MOHD ZAHIR
198	1131	BAHARUDDIN B. OSMAN
199	708	BAHRIN B. ISMAIL
200	1405	BAHTIAR B. MOHAMAD

LAMPIRAN E - SENARAI ANGGOTA KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERHAD AGM KE-27

BIL	NO. AHLI	NAMA
201	951	BAHTIAR JAMILI B. ZAIN
202	2093	BAKHARI B. CHE MOHAMED ARIFF
203	1350	BAKRI B. MAT
204	1380	BASHIRAH BT. HUSSAIN
205	1935	BASRI LAZIM
206	2393	BAVANI A/P SUBRAMANIAM
207	126	BISTOMI B. ISMAIL
208	1727	BOSLI B. ISHAK
209	149	BUDIMAN SOBRI B. ABDULLAH
210	737	CHE AZLAN B. TAIB
211	1088	CHE BAYA BT. OTHMAN
212	576	CHE HAFIZAH BT. MD DERIS
213	395	CHE JANTAN B. CHE HAMZAH
214	1686	CHE MAHANUM BT. ABDUL HAMID
215	1308	CHE NORIZA BT. HASHIM
216	953	CHE NORLAILA BT. LAZIM
217	1391	CHE SALMAH BT. MAAROP
218	411	CHE ZURIANA BT. MUHAMMAD JAMIL
219	652	CHEK ASMA BT ISHAK
220	409	CHEK B. DERASHID
221	1346	CHEK JAMALIAH BT. OSMAN
222	2315	CHENG WEI HIN
223	974	CIK FAZILAH BT. HIBADULLAH
224	907	CIK MAZLINA BT. CHE OMAR
225	1336	DAKINA BT ZAKARIA
226	2265	DANI B. SALLEH
227	1832	DARATUL AMBIA BT. CHE MIT
228	1515	DARUS B. AHMAD
229	1012	DARWINA BT. HJ. AHMAD ARSHAD
230	2002	DR. YAAKOB B. DAUD
231	986	DZARFAN B. ABDUL KADIR
232	2166	EDORA BT. ISMAIL
233	858	EFADI B. MAHMAD
234	1584	EFENDY B. NAYAN
235	1790	EMY EZURA A. JALIL
236	709	ENGKU ISMAIL B. ENGKU ALI
237	516	ENGKU MUHAMMAD NAZRI B. ENGKU ABU BAKAR
238	1841	ENY HAZIANY HAMZAH
239	1303	EYLANI BT. AHMAD
240	1626	EZATUL FARITA BT. ALIAS
241	928	EZUAN @ AIDZUAN B. ABD MALEK
242	1880	FACROL ZIKMI B. AMDAH
243	1569	FADHILAH BT DAK @ RAZAK
244	1997	FADHLINA BT. MD. PUDZI
245	2385	FADILAH BT. KASSIM
246	1000	FADZILAH BT. SIRAJ
247	1941	FADZLI SHAH B. ABD AZIZ
248	1044	FAEZAH BT. NANYAN
249	1763	FAHAINIS BT. MOHD YUSOF
250	2279	FAIDZULAINI BT. MUHAMMAD

BIL	NO. AHLI	NAMA
251	1940	FAIROL B. HALIM
252	2005	FAIRUL EZUAN B. MOHD RODZI
253	1448	FAIRUL HAIZAL B. RAMLI
254	2046	FAIS AHMAD
255	1875	FAISAL ZULHUMADI
256	702	FAISOL B. ELHAM
257	1381	FAIZAH BT. AHMAD
258	437	FAIZAH BT. HASHIM
259	258	FAIZAH BT. IBRAHIM
260	1471	FAIZAH BT. ISMAIL
261	1398	FAIZATUL AKMAR BT. ABD NIFA
262	985	FAIZUL B. ABDUL
263	1988	FAIZUL B. AWANG
264	2151	FAIZUL B. MAMAT
265	535	FAIZUNIAH BT. PANGIL
266	1952	FAKHRUL ANUAR B. AZIZ
267	1731	FALIZAWATI BT. ISMAIL
268	1947	FARAH DINA BT. MOHD KHAIRULDIN
269	1583	FARAH NORDILLA BT SHAHARON
270	712	FARAH SYIDA BT. AHMAD
271	640	FARHANA BT. ABDUL WAHAB
272	2157	FARID B. NANYAN
273	2231	FARIDAH BT. MOHD SOBRI
274	285	FARIDAH BT. SAAD
275	1331	FARIDAHWATI BT. MOHD SHAMSUDIN
276	1212	FARIZA HANIM BT. RUSLY
277	1649	FARIZAN B. LOT
278	917	FATHILAH BT. MOHD ALIPIAH
279	1606	FATHIYYAH BT. ABU BAKAR
280	1444	FATIMAH SAM BT. REJAB
281	461	FATIMAH WATI BT. IBRAHIM
282	1403	FATIMAH ZAILLY BT. AHMAD RAMLI
283	915	FATINAH BT. ZAINON
284	579	FAUDZIAH BT. ZAINAL ABIDIN
285	2218	FAUDZIAH HANIM BT. FADZIL
286	2039	FAUZIAH ABDUL RAHIM
287	419	FAUZIAH BT. BAHAROM
288	1728	FAZLINA BT. MAT ISA
289	1467	FIKRIYAH BT. ABDULLAH
290	2212	FILZAH BT. ZAINOL ARIFFIN
291	1581	FIRDAUS HAKIM B. JALALUDIN
292	1150	FIRDIANA ABD RAHMAN @ FAISOL
293	292	FUDHIAH BT. ABU HASHIM
294	496	FUZIAH BT. SHAFFIE
295	1099	GHAZALI B. SALLEH
296	1342	GHAZALI BIN HAMID
297	1457	HADIBAH BT. MD ISA
298	1796	HADZIROH IBRAHIM
299	1011	HAFIZAH BT. MOHAMAD HSBOLLAH
300	1848	HAIRIL AZUIN B. MD AKIL

LAMPIRAN E - SENARAI ANGGOTA KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERHAD AGM KE-27

BIL	NO. AHLI	NAMA	BIL	NO. AHLI	NAMA
301	2106	HAIZAL NAIM CHE ABD. RAHMAN	351	1024	HASNAH BT. MOHAMAD HANAPIAH
302	772	HAKIMAH BT SAIDIN	352	1268	HASNAH BT. SHAARI
303	2217	HALIM B. MAD LAZIM	353	2223	HASNI @ HASNAH BT. CHE ISMAIL
304	1123	HALIM B. MD. YATIM	354	615	HASNI BT. ABD. HAMID
305	1798	HALIM B. OTHMAN	355	1184	HASNIZA MOHD TAIB
306	1921	HALIM HAMID	356	1755	HASNIZA NORSAZALI
307	692	HALIMAH @ NASIBAH BT. AHMAD	357	1425	HASSAN BIN ABU BAKAR
308	1081	HALIMAH BT. ABDUL MANAF	358	664	HASWANDY BIN HASSAN
309	1679	HALIMAH BT. ZULKARNAIN	359	1541	HAYATI BT JALIL
310	356	HALIMULHSAN B. MUSTAFA	360	1136	HAYATI BT. JAMALI
311	687	HAMID B. LONG	361	2140	HAZELINE AYOUP
312	678	HAMID B. MAT HASHIM	362	1622	HELMY B. MUHAMAD
313	339	HAMIDAH BT. HAMID	363	2293	HELMY SALAM B. AB GHANI
314	2386	HAMIDAH BT. OSMAN	364	1013	HENDRIK B. LAMSALI
315	1827	HAMIDI B. ISMAIL	365	552	HIJATTULAH B. ABDUL JABBAR
316	1735	HAMILIA BT. AB. HALIM	366	735	HILMIYAH BT ISMAIL
